



The Putrajaya Committee on GLC High Performance  
Level 37, Tower 2, Petronas Twin Towers  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur.  
Tel: +603 2034 0000 Fax: +603 2034 0001  
pcg@treasury.gov.my



## SIARAN MEDIA

Maran, 4 September 2009

### **Perdana Menteri lancar projek perintis Sejahtera dan program PINTAR peringkat nasional**

Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak hari ini melancarkan projek perintis program Sejahtera, sebuah program pembasmian kemiskinan, dan program PINTAR peringkat nasional, program pengambilan sekolah angkat oleh syarikat-syarikat korporat, di sini.

Sejahtera merupakan sebuah program di bawah naungan Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC ("PCG") yang memperkenalkan pendekatan yang lestari dalam membasmi kemiskinan tegar dan sebahagian daripada usaha menyeluruh kerajaan untuk mencapai kemiskinan sifar menjelang 2010.

Program Sejahtera telah direka bagi memperkasa golongan terjejas termasuk fakir miskin, ibu tunggal dan warga tua untuk memperoleh sumber pendapatan yang berkekalan. Ia juga membuka peluang golongan ini untuk meningkatkan hasil mata pencarian mereka secara lebih efektif melalui pelbagai kemahiran baru yang diberikan dengan bantuan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan ("GLIC") dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") yang mengambil bahagian.

Program PINTAR peringkat nasional pula merupakan lanjutan daripada program pengambilan sekolah angkat, juga di bawah naungan PCG, yang telah dilancarkan pada Disember 2006. Pelancaran program PINTAR peringkat nasional ini akan menyaksikan pengenalan pendekatan baru yang lebih bersepadu dalam kesemua aktiviti di bawahnya.

Sejak pengenalannya, program PINTAR berjaya menghasilkan beberapa kejayaan ketara. Sehingga kini, sejumlah 24 organisasi, yang mana 22 daripadanya adalah GLC telah mengambil 165 sekolah rendah dan menengah seluruh negara sebagai sekolah angkat di bawah program PINTAR. Program PINTAR telah memberi manfaat kepada lebih 66,000 orang pelajar. Dalam jangka masa yang pendek, inisiatif berkenaan telah menunjukkan potensi untuk mencapai matlamatnya iaitu memperbaiki pencapaian akademik para pelajar. Pada 2007, misalnya, 12.7% pelajar di 34 sekolah PINTAR seluruh negara telah mencapai keputusan A dalam kesemua lima mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR berbanding 9.7% purata kebangsaan.

Majlis pelancaran program-program tersebut turut dihadiri oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Adnan Yaakob; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), Tan Sri Dato' Azman Hj Mokhtar; Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sejahtera, YB Dato' Shahrir Samad; dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan PINTAR, Tan Sri Dato' Arshad Ayob.

Yayasan PINTAR dan Yayasan Sejahtera masing-masing telah ditubuhkan pada 5 Ogos 2008 dan 7 Ogos 2009 bagi mentadbir dan menjalankan program-program berkenaan dan bagi memastikan arah tuju strategik serta kelestarian kedua-dua inisiatif tersebut dikekalkan.

Projek perintis program Sejahtera di Maran setakat ini berjaya mengumpul bantuan bernilai RM1.2 juta hasil sumbangan daripada 11 buah GLIC dan GLC yang terlibat, khususnya bagi membina semula rumah-rumah usang, mewujudkan sumber pendapatan yang berterusan, menjalankan program-program latihan serta menyediakan kemudahan asas kepada golongan yang terjejas.

Maran dipilih sebagai lokasi untuk melancarkan projek perintis program Sejahtera berdasarkan jumlah masyarakat miskin tegarnya yang agak tinggi di Pahang.

GLIC yang terlibat di bawah program ini adalah Khazanah, Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Bhd, sementara GLC yang terlibat pula adalah Chemical Company of Malaysia Bhd, Malayan Banking Bhd, Malaysian Airline System Bhd, Proton Holdings Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Telekom Malaysia Bhd, Sime Darby Bhd dan UEM Group Bhd.

Selepas pelancarannya di Maran, program perintis Sejahtera akan diperluaskan pula ke Besut, Terengganu, dan seterusnya ke seluruh negara. Lokasi bagi pelaksanaan program Sejahtera seluruh negara telah pun dikenal pasti oleh pihak PCG berdasarkan kepada rangka kerja yang sedia digunakan.

Sehingga kini, kira-kira RM3 juta telah pun dikumpulkan daripada GLIC dan GLC yang terlibat. PCG menasarkannya untuk mengumpul kira-kira RM40 juta bagi menjalankan program Sejahtera di seluruh negara yang dijangka akan memanfaatkan kira-kira 1,000 buah keluarga miskin.

Dalam ucapan beliau semasa majlis pelancaran tersebut, Dato' Sri Mohd Najib menyatakan penghargaan kerajaan kepada GLIC dan GLC yang terlibat atas sokongan syarikat-syarikat berkenaan untuk menjayakan program Sejahtera.

Beliau turut berharap pengenalan program Sejahtera akan membantu mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung golongan yang terjejas dan seterusnya membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Dato' Sri Mohd Najib berkata, antara 2004 dan 2008, 20 GLC terbesar ("G-20") telah membelanjakan kira-kira RM312 juta secara agregat dalam sumbangan berteraskan sosial termasuk bagi usaha pembasmian kemiskinan dan kebajikan masyarakat.

Sementara itu, Tan Sri Dato' Azman dalam ucapan beliau pula berkata, kejayaan menjalankan program PINTAR yang telah memanfaatkan lebih 66,000 pelajar daripada keluarga yang terjejas telah memberi galakan kepada PCG untuk membangunkan program Sejahtera memandangkan pendidikan dilihat sebagai tiket untuk melepaskan diri daripada kedaifan. Sehubungan itu, program PINTAR dan Sejahtera berkait rapat dalam rancangan bersepadu untuk menghapuskan kemiskinan, tambah beliau.

Katanya, "Adalah penting untuk memastikan usaha untuk membantu golongan miskin membebaskan diri mereka daripada kemiskinan disokong oleh usaha untuk memperbaiki tahap pendidikan generasi muda."

"Menyediakan akses pendidikan yang lebih mudah adalah antara langkah terbesar dalam mencari penyelesaian jangka panjang untuk kemiskinan," kata Tan Sri Dato' Azman.

Kegiatan PINTAR di sekolah-sekolah yang mengambil bahagian bermula sejak Januari 2007, yang mana GLC-GLC telah melibatkan diri secara aktif dalam melaksanakan pelbagai program seperti kelas-

kelas pemulihan dan tuisyen, program pemakanan, kursus motivasi, klinik kaunseling dan bengkel meningkatkan kemahiran.

Program PINTAR memberi nafas baru kepada skim-skim pengambilan sekolah angkat di negara ini, selaras dengan seruan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan supaya diadakan perkongsian antara sektor swasta dan awam bagi mencapai pembangunan lestari. Komponen asasnya terdiri daripada Program Motivasi dan Semangat Berpasukan; Program Sokongan Pendidikan; Pembangunan Keupayaan dan Kemahiran; dan Mengurangkan Keterjejasan dan Isu-isu Kemasyarakatan. Program-program ini dilaksanakan secara perkongsian dengan masyarakat madani dan organisasi bukan kerajaan, dan secara kerjasama rapat dengan kumpulan masyarakat serta pentadbir sekolah.

Kedua-dua program PINTAR dan Sejahtera yang dilancarkan itu adalah selari dengan tiga daripada enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Nasional yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. KRA-KRA berkenaan ialah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, yang sejajar dengan matlamat program PINTAR; dan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah serta memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman, yang kedua-duanya selari dengan matlamat utama program Sejahtera.

## **Tamat**

*Untuk sebarang keterangan lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +6019 2633372 atau +603 2034 0294 atau e-mel [asuki.abas@kbaazanah.com.my](mailto:asuki.abas@kbaazanah.com.my).*

**Mengenai Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (“PCG”)**

Program Transformasi GLC (“GLCT”) telah dilancarkan pada 14 Mei 2004 manakala PCG telah ditubuhkan pada Januari 2005 sebagai Jawaankuasa Pemandu program berkenaan dan menerajui usaha untuk menjadikan GLC sebagai entity berprestasi tinggi. PCG terdiri daripada wakil-wakil Menteri Kewangan Diperbadankan, Pejabat Perdana Menteri dan melibatkan Syarikat-Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (“GLIC”) iaitu Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera and Lembaga Tabung Haji.

Sebuah sekretariat kepada PCG, Pejabat Pengurusan Transformasi (“TMO”) telah dibentuk di Khazanah dan diberikan tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan dan aplikasi inisiatif-inisiatif di bawah Program GLCT.

### ***Syarikat-Syarikat G-20***

1. Affin Holdings Berhad
2. Axiata Group Berhad
3. BIMB Holdings Berhad
4. Boustead Holdings Berhad
5. Bumiputra-Commerce Holdings Berhad
6. Chemical Company of Malaysia Berhad
7. Malayan Banking Berhad
8. Malaysian Airline System Berhad
9. Malaysia Airports Holdings Berhad
10. Malaysian Building Society Berhad
11. Malaysian Resources Corporation Berhad
12. Pos Malaysia Berhad
13. Proton Holdings Berhad
14. Sime Darby Berhad
15. Telekom Malaysia Berhad
16. Tenaga Nasional Berhad
17. TH Plantations Berhad
18. UEM Group Berhad
19. UMW Holdings Berhad